



Remaja dan Penguasaan Leksikal Busana Tradisional Melayu

Noorul Khairien Abdul Malek & Hasnah Mohamad

nkhairien@yahoo.com, hasnah_m@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini memfokus kepada penguasaan leksikal ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Ilmu tempatan dalam kajian ini merujuk kepada leksikal dalam domain busana tradisional Melayu. Idea tentang kajian ini tercetus memandangkan lunturnya penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja disebabkan ketakpopularan kosa kata bahasa Melayu asli itu sendiri dan juga pembentukan leksikal baharu sebagai wahana komunikasi. Hal ini berlaku disebabkan oleh penggunaan bahasa Melayu yang semakin terpinggir dalam era kemodenan negara. Selain itu, remaja kini tidak didedahkan dan tidak mengetahui kewujudan sesuatu leksikal dan membawa kepada wujudnya ciptaan leksikal baharu berdasarkan pengalaman dan persekitaran mereka. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja ; dan menentukan mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Teori Sosiokognitif diterapkan dalam kajian ini bagi menghuraikan perkaitan antara persekitaran dengan pemikiran remaja dalam pemerolehan kosa kata tradisional. Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dengan instrumen kajian soal selidik, ujian Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata atau *Vocabulary Knowledge Scale (VKS)* digunakan dalam instrumen temu bual dan ujian Skema Pengesanan Kosa atau *Vocabulary Recognition Task (VRT)* turut digunakan bagi menentukan tahap penguasaan leksikal busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor pengalaman dan persekitaran remaja memberi refleksi kepada kognitif remaja dalam penguasaan sesuatu leksikal. Tahap penguasaan remaja dalam leksikal busana tradisional Melayu berada pada tahap sederhana, iaitu sebanyak 64.1%, dan masih memerlukan mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja berkenaan. Kajian menunjukkan bahawa mekanisme yang boleh diimplementasikan untuk membantu meningkatkan penguasaan leksikal domain busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja ialah melalui pembacaan ilmiah, komunikasi, pembelajaran di sekolah, persekitaran responden dan media massa.

Kata kunci: Ilmu tempatan, busana tradisional Melayu, penguasaan leksikal, ketakpopularan leksikal, pembentukan leksikal baharu

Abstract

This study emphasize on lexical command of indigenous knowledge among teenagers. Indigenous knowledge in this study refers to the lexical in the domain of Malay traditional. The idea was triggered due to the reduced usage of bahasa Melayu among teenagers as a consequence of unpopularity of the traditional vocabulary itself as well as the formation of new lexical as a means of communication. This is due to the Malay language usage that is being marginalised in this modern era. In addition, teenagers are not exposed to the existence of the lexical and it is invent to creation of new lexical based on their experience and the surrounding. The research objectives are to determine the level of command of indigenous lexical knowledge among teenagers and to identify the mechanism needed to enhance lexical command of indigenous lexical knowledge among teenagers. Socio-cognitive theory applied in this study to describe the relationship between the environment and the teenagers thinking in the acquisition of traditional vocabulary. The study employs a field research method using survey instrument. The survey Vocabulary Knowledge Scale (VKS) is used in the interview, whereas the test Vocabulary Recognition Task (VRT) is used to determine the level of command of local lexical knowledge domain among teenagers. The results showed that the experience and the environmental factors reflect the teenagers cognitive in the lexical proficiency. The level of command of Malay traditional costume lexical is moderate that is 64.1%, thus a mechanism is still needed to enhance the mastery of the Malay traditional costume lexical among these teenagers.

This study has shown that the mechanism which could be implemented to elevate the mastery of the Malay traditional costume lexical amongst the teenagers is through the academic reading, communication, learning at school, the respondent environment as well as the mass media.

Keywords: Indigenous knowledge, traditional Malay costume, lexical acquisition, lexical unpopularity, formation of new lexical.

1. Pengenalan

Ilmu tempatan yang diketengahkan dalam kajian ini merangkumi ciri tradisional Melayu, iaitu domain busana tradisional Melayu. Busana tradisional Melayu merupakan salah satu domain ilmu tempatan yang masih utuh pemakaiannya dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini. Domain busana tradisional Melayu juga dipilih sebagai bidang kajian kerana bukan sahaja menjadi pilihan remaja tetapi begitu popular dan dipakai juga oleh bangsa lain sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Walaupun negara diasak dengan kemodenan dalam berbusana kontemporari tetapi kejatian busana tradisional Melayu masih terpelihara hingga kini. Namun demikian, timbul persoalan sama ada mereka mengenali leksikal busana tersebut atau pun tidak dan sejauh mana tahap penguasaan remaja terhadap leksikal ilmu tempatan khususnya leksikal busana tradisional Melayu. Hal ini berkait rapat dengan kecenderungan masyarakat kini terutama remaja yang pesimis terhadap bahasa Melayu.

Kajian ini tercetus berikutan penggunaan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan remaja yang semakin luntur disebabkan ketakpopularan kosa kata bahasa Melayu asli itu sendiri dan juga pembentukan leksikal baharu sebagai wahana komunikasi. Hal ini berlaku disebabkan oleh penggunaan bahasa Melayu yang semakin terpinggir dalam era kemodenan negara. Peredaran zaman menuntut perubahan dalam penguasaan bahasa dan kecenderungan penutur bahasa menerima pelbagai penyerapan leksikal baharu atau leksikal asing dalam bahasa Melayu menjadikan kosa kata bahasa Melayu asli perlahan-lahan luput daripada ingatan. Remaja kini terdedah kepada dunia globalisasi yang menuntut kemodenan dan kemajuan tetapi jauh sekali dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini menjadikan leksikal bahasa Melayu asli bukan menjadi pilihan lagi dalam komunikasi seharian. Apatah lagi jika remaja kini diminta meneliti setiap kosa kata bahasa Melayu asli berkaitan dengan busana tradisional Melayu atas pembelajaran bahasa, sedikit banyak menimbulkan kegusaran kerana terdapat remaja tidak menguasainya. Mereka lebih cenderung menguasai kehidupan moden dan dipengaruhi leksikal asing dan ciptaan kosa kata sendiri bersumberkan pengamatan persekitaran. Jika dikaitkan ilmu tempatan dan leksikal ilmu tempatan, segelintir remaja tidak memahaminya kerana kurang pengetahuan dan pendedahan. Keadaan ini bertambah rumit apabila ibu bapa generasi muda kini tidak mengimplementasikan penggunaan leksikal tersebut atas faktor tiada keperluan dan berkaitan. Senario ini menjadi kebimbangan kepada masyarakat di negara ini terutamanya bangsa Melayu sendiri yang semakin terhakis jati diri dalam berbahasa terutamanya dalam kalangan generasi remaja.

2. Kajian Lepas

Masyarakat kini khususnya remaja jarang memberikan perhatian kepada perkataan atau leksikal bahasa Melayu asli dan lebih cenderung menggantikan leksikal lain untuk mengungkapkan sesuatu kosa kata dalam sintaksis. Hal ini berlaku disebabkan perkaitan antara pengamatan masyarakat dengan persekitaran dan pengalaman. Menurut Asmah (2008:134), dari segi demografi, sesuatu perubahan dalam bahasa, misalnya sesuatu pembaharuan dalam perbendaharaan kata adalah lebih cepat merebak dalam kawasan yang banyak penduduknya. Hal ini terbukti dengan kepadatan penduduk di bandar mempengaruhi perubahan bahasa dan terciptanya leksikal baharu sesuai dengan taraf masyarakatnya yang mudah menerima segala maklumat berbanding dengan masyarakat luar bandar yang masih dilingkungi dengan amalan hidup tradisional. Perkara ini boleh menyebabkan sesuatu perkataan asli itu pupus dan hilang ditelan zaman. Crystal (2000:1) menyatakan bahawa satu punca kepupusan bahasa apabila bahasa itu tidak lagi dituturkan oleh penuturnya. Melihat situasi ini dalam kelompok yang lebih kecil, penutur jati bahasa Melayu lebih selesa dengan leksikal baharu yang lebih mudah difahami, senang dituturkan dan melambangkan kemodenan. Ironinya, kosa kata bahasa Melayu yang asli perlu dijejaki akar umbinya agar dapat dimartabatkan kembali. Hal ini pernah dinyatakan oleh S.Nathesan (2008:30), usaha untuk menjejaki sumber atau asas perkataan, merupakan perkara yang cukup menarik dari segi ilmu etimologi. Rentetan daripada senario ini, kajian dijalankan untuk melihat leksikal ilmu tempatan atau tradisional sebagai elemen penting dalam penguasaan remaja kini.

Melihat kepada persepsi dan sikap remaja itu sendiri terhadap bahasa Melayu kini, pengkaji menyokong dapatan Rusmadi (1995) yang menyatakan bahawa pendidikan yang diterima di sekolah pada hari ini kurang berupaya menjadikan pelajar sebagai warganegara yang menghargai dan membanggakan bahasa Melayu. Remaja kini cenderung mengaplikasikan istilah ciptaan sendiri atau masyarakat terdahulu tanpa menyedari terdapat leksikal bahasa Melayu asli yang boleh digunakan. Hal ini bersignifikan dengan faktor sosial yang melingkungi kehidupan mereka seharian. Kerancuan bahasa juga telah mendominasi bahasa Melayu baku sebenar dan kosa kata bahasa Melayu asli yang semakin luput ditelan zaman. Menurut Madzlina Hj Nordin (2008:33), tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh serta kesan aplikasi khidmat pesanan ringkas, e-mel, blog dan sebagainya turut mempengaruhi corak komunikasi dan interaktif masyarakat hari ini, malah telah mewujudkan dimensi baharu kepada gaya dan arah aliran hidup kepada institusi bahasa di negara kita. Hal ini bertepatan dengan pendapat Tenas Effandy (2008:32), awal penggunaan kata berpunca daripada gagasan yang ada dalam fikiran atau perasaan dan hati seseorang. Gagasan, fikiran atau suara hati itu membawa mereka kepada pemilihan kata sebagai simbol yang berlaku, atau isyarat yang lazim dipakai dalam masyarakat untuk melahirkan apa-apa yang ada dalam hati nuraninya. Pemilihan kata menjadi kunci dalam penuturan kerana di situlah terkandungnya beragam makna.

Noresah Baharom (1996:485) pula berpendapat bahawa perubahan leksikal dalam bahasa boleh berlaku sama ada secara bersahaja atau ilmiah, mahupun secara berperancangan atau disengajakan. Lazimnya, perubahan bersahaja atau alamiah berlaku mengikut kekreatifan penutur bahasa tersebut, bersesuaian dengan pola bahasa yang sedia ada, sama ada dari segi morfologi, mahupun fonologi, untuk keperluan mereka berkomunikasi dalam sesuatu situasi secara berkesan. Perubahan jenis ini selalunya berlaku bagi kata umum. Perubahan yang berlaku secara bersahaja biasanya mudah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat pengguna bahasa dan dengan itu kekal lama sebagai khazanah tambahan kosa kata bahasa tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemilihan kata atau leksikal yang tepat dan mudah menjadikan sesuatu kosa kata yang diserap ke dalam bahasa Melayu itu mungkin disebabkan penutur senang untuk menyebutnya dan perubahan leksikal ini mungkin berlaku secara tidak langsung. Dominasi oleh bahasa lain antara faktor kemasukan kosa kata asing yang diterima pakai oleh masyarakat serta keperluan untuk menerangkan sesuatu idea dan konsep dengan lebih tepat berbanding dengan kata sedia ada atau perbendaharaan kata dalam bahasanya yang sedia ada tidak mencukupi. Perkara inilah yang menjadi ancaman kepada kosa kata bahasa Melayu asli yang beransur-ansur dilupai kerana jarang digunakan atau kurang usaha untuk mengembalikan penggunaan kosa kata tersebut. Konsep dunia tanpa sempadan dalam era globalisasi memperlihatkan cabaran yang terpaksa ditempuhi dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Selain itu, perubahan dalam suatu leksikal itu juga dikaitkan dengan faktor persekitaran yang mempengaruhi kognitif manusia. Hal ini juga berhubung kait dengan budaya tradisional Melayu yang semakin dilupai dan hampir pupus dalam sesuatu domain tradisional akibat peredaran zaman dan sedikit banyak memberi implikasi kepada kosa kata yang terangkum dalam domain tradisional Melayu tersebut.

Pengkaji juga dapat mengenal pasti beberapa kajian berkaitan leksikal dan hubung kaitnya dengan pemerolehan bahasa yang bersignifikan dengan persekitaran telah diterokai oleh pengkaji terdahulu. Kebanyakan dapatan kajian menjurus kepada makna bagi suatu leksikal seperti kajian oleh Calfee dan Drum (1986), Hishamudin dan Norsimah (2011), S.Nathesan (1998). Selain itu, pembentukan leksikal berpunca daripada pemahaman dan pengetahuan penuturnya seperti yang dikaji oleh Peter W.Martin (1998) berkaitan inovasi dalam leksikal yang dilihat dari sudut deskriptif. Rumusan daripada kajian terdahulu oleh Zaharani dan Nor Hashimah (2011), Christina dan Yuen Chee Keang (2012) mendapati bahawa perubahan leksikal berkait rapat dengan pemerolehan bahasa, penyerapan kata asing memberi impak kepada gejala kebahasaan, sikap dan persepsi remaja yang semakin luntur terhadap bahasa Melayu ada kaitan dengan pengaruh bahasa asing dan peredaran zaman. Kebanyakan kajian terdahulu menjurus kepada penguasaan keseluruhan bahasa Melayu dan terlalu luas seperti kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah (2010), kajian sikap dan penguasaan leksikal oleh Bravo dan Cervetti (2008), Zulkifley, Rahim dan Karim (2010). Pengkaji mendapati bahawa belum ada pengkaji terdahulu mengkaji secara rinci faktor penyebab luntarnya penggunaan leksikal bahasa Melayu dan belum ada lagi kajian khusus berkaitan dengan tahap penguasaan leksikal domain tempatan khususnya busana tradisional Melayu.

Kajian ini dilakukan untuk menampung kekurangan kajian lalu berkaitan pembentukan leksikal baharu sebagai wahana komunikasi. Kajian ini berfokus pada skop yang lebih kecil dalam bahasa Melayu, iaitu merungkai penguasaan remaja dalam leksikal busana tradisional Melayu sahaja memandangkan telah ada kajian umum berkenaan sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja oleh Junaini (2011). Belum ada kajian khas tentang penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam suatu domain ilmu tempatan. Aspek penguasaan leksikal dalam kajian ini berpandukan teori Sosiokognitif yang merujuk kepada suasana persekitaran dan

hubungannya dengan pemikiran penutur dalam mewujudkan leksikal baharu yang lebih senang digunakan dan difahami dalam kelompok remaja. Tinjauan terhadap kajian lepas di negara ini juga mendapati bahawa belum ada kajian yang menggunakan instrumen Ujian Skala Pengetahuan Kosa Kata atau Vocabulary Knowledge Scale (VKS) dan Ujian Skema Pengecaman Kosa Kata atau Vocabulary Recognition Task (VRT) untuk mengukur tahap penguasaan kosa kata domain tempatan dalam kalangan remaja.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan dua reka bentuk kajian, iaitu kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian ini berbentuk analisis deskriptif dengan menggunakan kaedah lapangan yang melibatkan soal selidik, ujian dan temu bual. Kaedah triangulasi data ini digunakan untuk pengutipan pelbagai jenis data yang diperlukan daripada responden. Data dan maklumat yang diperolehi diproses menggunakan program IBM SPSS versi 21 dan program rangkaian Atlas.ti. Data yang ditranskripsikan dianalisis dan sesuai dengan objektif kajian, dan hasilnya lebih bersifat deskriptif. Instrumen lain yang digunakan ialah ujian Skema Pengecaman Kosa kata (VRT) untuk melihat tahap penguasaan kosa kata dalam domain busana tradisional Melayu. Kajian ini turut melibatkan temu bual dengan menggunakan ujian Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata (VKS). Melalui ujian VKS dan VRT, pengkaji dapat menentukan penguasaan leksikal remaja mengikut tahap sama ada baik, sederhana atau lemah. Sebanyak 270 orang pelajar prauniversiti aliran kemanusiaan yang mengambil mata pelajaran bahasa Melayu di sembilan buah sekolah menengah di daerah Seremban telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

- a. menentukan tahap penguasaan kosa kata domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja
- b. menentukan mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja



Rajah 1 : Teori Sosiokognitif

Pendekatan teori Sosiokognitif (Rajah 1) digunakan dalam kajian ini yang menekankan bahawa faktor persekitaran dan pengalaman remaja bersignifikan dengan penguasaan sesuatu leksikal. Teori Sosiokognitif merupakan penamaan baharu daripada teori Kognitif Sosial atau teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura (1977) dan banyak diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Beliau menjelaskan bahawa perilaku manusia dalam konteks interaksi timbal balik yang berkesinambungan antara kognitif, perilaku dan pengaruh lingkungannya. Lanjutan daripada teori Pembelajaran Sosial, Atkinson (2002) telah mengemukakan istilah Sosiokognitif apabila beliau menyedari terdapat hubungan antara bahasa dengan pemerolehan bahasa yang bersifat sosial dan kognitif. Dalam kajiannya, beliau menjelaskan bagaimana kedua-dua tanggapan (sosial dan kognitif) saling berkaitan dalam pemerolehan bahasa, berdasarkan kepercayaan bahawa bahasa dan pembelajaran bahasa berlaku atas timbal balik sosial dan kognitif.

4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini menghuraikan dapatan analisis data secara deskriptif berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan. Dalam kajian ini, responden prauniversiti yang terlibat terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan serta berbilang bangsa. Pemilihan responden terbatas kepada responden yang mengambil mata pelajaran bahasa Melayu dalam aliran kemanusiaan di sembilan buah sekolah menengah yang menawarkan kelas prauniversiti di daerah Seremban. Justifikasi pemilihan responden dalam kajian ini berdasarkan kriteria responden mempelajari topik leksikal dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan pengkaji mendapati bahawa responden mempunyai kefahaman yang memadai untuk memahami item soal selidik kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat perbezaan tahap penguasaan leksikal antara lelaki dengan perempuan atau perbezaan antara kaum kerana kajian ini lebih menekankan hubungan kognitif responden dengan persekitaran dan pengalaman.


Jadual 1 : Profil Responden Mengikut Bangsa

Kategori	Kekerapan	Peratus
Bangsa		
Melayu	177	65.6
Cina	33	12.2
India	58	21.5
Lain-lain	2	0.7
JUMLAH	270	100.0

Bilangan responden yang terlibat di sembilan buah sekolah yang dipilih menunjukkan dominasi oleh responden perempuan, iaitu seramai 211 orang (78.1%) berbanding responden lelaki iaitu 59 orang (21.9%). Jadual 1 memperlihatkan bangsa Melayu mendominasi bilangan responden yang tertinggi, iaitu seramai 177 orang pelajar (65.6%) diikuti oleh bangsa Cina 33 orang pelajar (12.2%), bangsa India 58 orang pelajar (21.5%) dan 2 orang pelajar (0.7%) mewakili bangsa lain. Berdasarkan analisis bangsa responden ini, 65.6% responden terdiri daripada bangsa Melayu dan jumlah ini menunjukkan kelas prauniversiti menjadi pilihan bagi remaja bangsa Melayu. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya kelas prauniversiti sebagai alternatif untuk ke IPTA selain matrikulasi. Kekurangan bangsa lain dalam kelas prauniversiti aliran kemanusiaan adalah disebabkan kebanyakan responden bukan Melayu memilih kelas prauniversiti aliran Sains. Faktor lain yang menyumbang kepada analisis ini, responden bukan Melayu mempunyai kelebihan dari sudut pencapaian akademik dan kedudukan ekonomi keluarga mereka yang lebih baik yang membolehkan responden bukan Melayu mendapatkan pendidikan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau kolej swasta.

Kajian ini terbatas kepada leksikal domain busana Melayu tradisional dalam ilmu tempatan. Pengkaji memfokus kepada tahap penguasaan leksikal busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja dalam kajian ini. Justifikasi pemilihan busana tradisional Melayu dalam kajian ini menjurus kepada pemakaian yang sopan dalam masyarakat Melayu, malahan turut dipakai oleh bangsa lain. Walaupun dunia fesyen banyak membuat perubahan sejajar dengan arus kemodenan, namun busana tradisional Melayu tetap menjadi pilihan dalam masyarakat kini. Antara busana tradisional Melayu yang popular dikenali sebagai *baju kurung* dan *baju Melayu* sering kali dipakai dalam majlis yang formal. Selain itu, sistem pendidikan negara juga sebenarnya secara tidak langsung turut mengangkat martabat pemakaian busana tradisional Melayu dengan menggalakkan pelajar perempuan beragama Islam *berbaju kurung* di sekolah. Keistimewaan konsep busana tradisional Melayu dibuktikan dengan wujudnya ciri reka bentuk busana tradisional Melayu yang diterima sebagai salah satu identiti budaya Melayu.

Tahap Penguasaan Kosa Kata Domain Busana Tradisional Melayu dalam Kalangan Remaja



Rajah 2 : Menguasai 10 atau Lebih Nama Busana Tradisional Melayu

Kepesatan negara membangun tidak meminggirkan busana tradisional Melayu kerana masih menjadi pilihan masyarakat. Citra busana tradisional Melayu begitu penting sehinggakan dalam proses evolusi, penyesuaian dan perubahan yang dilakukan terhadap busana tradisional tidak boleh lari dari citra asalnya dan sesuai dengan namanya. Sejalan dengan hal itu, pengkaji akan melihat tahap penguasaan leksikal busana tradisional Melayu oleh responden. Daripada senarai busana tradisional Melayu, pengkaji menggunakan lebih 10 nama busana tradisional Melayu untuk dijadikan rujukan kajian bagi mengenal pasti tahap penguasaan leksikal responden dalam domain ini. Rajah 2 menjelaskan dapatan melalui soal selidik. Kajian mendapati bahawa sebanyak 45% responden menguasai 10 atau lebih nama busana tradisional Melayu. Manakala 27% responden menyatakan mereka tidak menguasai nama busana tradisional Melayu dan 28% responden memilih jawapan tidak pasti. Dapatan ini menunjukkan kurangnya penguasaan responden terhadap nama busana tradisional Melayu termasuk responden bangsa Melayu sendiri. Melalui dapatan temu bual, kebanyakan responden hanya mengetahui leksikal umum busana tradisional Melayu melalui pertuturan sekali gus dikenali jenisnya tanpa merujuk kosa kata yang sebenar. Hal ini dapat dibuktikan dalam Jadual 2 iaitu tentang pengetahuan responden terhadap busana tradisional. Pengkaji mencampurkan kosa kata *baju kurung* dan *baju Melayu* dengan kosa kata busana tradisional Melayu seperti *baju cekak musang*, *baju teluk belanga* dan *baju kebaya* dalam item soal selidik.

Jadual 2 : Pengetahuan Responden Terhadap Busana Tradisional Melayu

Pengetahuan Responden Terhadap Busana Tradisional	% Kekerapan		
	Tidak mengetahui	Tidak pasti	Mengetahui
mengetahui baju kurung untuk perempuan	12.6	23.0	64.5
mengetahui baju Melayu untuk lelaki	18.1	17.8	64
mengetahui baju cekak musang	29.6	11.5	58.9
mengetahui baju teluk belanga	39.2	17.4	43.3
mengetahui baju kebaya	4.1	4.1	91.8

Dapatan menunjukkan sebanyak 64.5% responden bersetuju dengan pernyataan *baju kurung* untuk perempuan dan 64% responden bersetuju dengan pernyataan *baju Melayu* untuk lelaki. Kedua-dua pernyataan ini merangkap pengetahuan responden terhadap penguasaan kosa kata dalam busana tradisional Melayu. Hal ini menunjukkan responden lebih memahami leksikal ciptaan baharu bagi menggambarkan busana kebangsaan kaum Melayu. Responden juga terlibat dengan peraturan sekolah yang menggalakkan pelajar Islam memakai *baju kurung* dan *berbaju Melayu* bagi pelajar lelaki pada hari Jumaat. Sehubungan dengan hal ini, penggunaan leksikal *baju kurung* dan *baju Melayu* lebih mudah dikenali dan difahami oleh kelompok remaja hingga menenggelamkan leksikal asli

bagi *baju kurung* (*baju teluk belanga*) dan *baju Melayu* (*baju cekak musang*). Kajian mendapati responden lebih senang menggunakan kosa kata *baju kurung* dan *baju Melayu* untuk mewakili busana tradisional Melayu. Faktor penyebaran kosa kata ini dari mulut ke mulut mengukuhkan lagi kosa kata ini. Sebagai contoh, terdapat arahan dalam majlis rasmi seperti penerimaan pingat kebesaran yang meminta tetamu wanita mesti berbaju kurung dan tetamu lelaki mesti berbaju Melayu. Walau bagaimanapun, sebanyak 58.9% responden mengetahui leksikal *baju cekak musang*, 43.3% responden mengetahui kosa kata *baju teluk belanga*. Jumlah ini menunjukkan masih ada remaja yang berpengetahuan dalam leksikal busana tradisional Melayu walaupun mereka menyetujui penggunaan leksikal *baju kurung* dan *baju Melayu* bagi busana tersebut.

Kupasan temu bual bersama responden mendapati bahawa faktor responden kurang yakin untuk menggunakan leksikal *baju cekak musang* dan *baju teluk belanga* dalam interaksi kerana berasa janggal dan kuarir rakan mereka tidak memahaminya. Kajian juga mendapati leksikal asli bagi busana ini kurang sesuai digunakan pada zaman sekarang kerana masyarakat telah biasa menggunakan leksikal ciptaan sendiri iaitu *baju kurung* dan *baju Melayu* sejak dahulu lagi. Kosa kata bagi *baju kebaya* pula menunjukkan peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 91.8% responden mengetahui bahawa *baju kebaya* merupakan busana tradisional Melayu kerana ciri atau fesyennya berbeza dengan *baju kurung* iaitu direka mengikut potongan badan, bahagian depannya berbelah dan berkolar hingga ke kaki baju. *Baju kebaya* juga menjadi pilihan wanita daripada kaum lain di negara ini. Ciri intrinsik *baju kebaya* memudahkan responden mengenalinya sejajar dengan teori Sosiokognitif yang dideskripsi melalui pengamatan dan pengalaman individu menghantar input kepada kognitif seterusnya berlaku pengukuhan leksikal.



Rajah Error! No text of specified style in document. : Konsep Teori Sosiokognitif

Konsep timbal balik dalam teori Sosiokognitif ini dijelaskan seperti dalam Rajah 3. Asas kognitif individu dirangsang dengan pemerhatian dan tanggapan kepada pengalaman dan suasana persekitarannya yang memberi impak kepada individu dalam tindakan mereka dan seterusnya mentransformasikan pengalaman itu kepada kognitif semula. Seseorang individu itu belajar dengan mengamati pengaruh lingkungan persekitarannya dan akan mempengaruhi tindakannya. Teori ini diimplentasikan dalam pemerolehan dan penguasaan leksikal busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja. Kajian yang bersandarkan teori Sosiokognitif ini dapat menentukan tahap penguasaan leksikal oleh remaja dan hubung kaitnya dengan faktor persekitaran dalam pemerolehan leksikal baharu.

Jadual 3 : Interpretasi Skor Markah

MARKAH	TAHAP PENGUASAAN KOSA KATA
08 - 11	BAIK
04 - 07	SEDERHANA
01 - 03	LEMAH

Jadual 3 pula merupakan interpretasi skor markah untuk mengkategorikan tahap penguasaan kosa kata responden bagi domain busana tradisional Melayu sama ada baik, sederhana atau lemah. Analisis keseluruhan skor untuk menentukan tahap penguasaan kosa kata responden dalam domain busana tradisional Melayu ditentukan setelah ujian VRT disemak dan dapatan seperti dalam Jadual 4. Dalam ujian VRT, responden diberi senarai kosa kata yang tepat dalam leksikal domain busana tradisional Melayu yang bercampur aduk dengan kosa kata lain yang tidak berkaitan. Responden dikehendaki mengenal pasti kosa kata yang tepat dalam setiap domain.

Jadual 4 : Analisis Tahap Penguasaan Kosa Kata Busana Tradisional Melayu

Tahap Penguasaan Kosa Kata	Kekerapan	Peratus
Baik	48	17.8
Sederhana	173	64.1
Lemah	49	18.1
JUMLAH	270	100.0

Dapatan ujian menunjukkan tahap penguasaan majoriti responden terhadap kosa kata bagi domain busana tradisional Melayu berada pada tahap sederhana, iaitu 173 orang responden (64.1%). Hal ini berpunca daripada ketidakfahaman responden terhadap leksikal bahasa Melayu asli. Dalam domain busana tradisional Melayu, kebanyakan leksikal berasal dari zaman dahulu yang masih digunakan bagi menamakan sesuatu jenis busana. Sejalan dengan hal ini, responden tidak dapat mengenal pasti leksikal bahasa Melayu lama dan pengetahuan mereka bersandarkan kepada leksikal yang biasa didengar dan digunakan oleh masyarakat. Dapatan menunjukkan responden mengenali leksikal busana tradisional Melayu melalui komunikasi dalam kalangan masyarakat sekitar, ibu bapa dan sekolah tanpa merujuk kepada kosa kata yang sebenar. Walau bagaimanapun, hanya busana yang popular dan bertahan hingga kini sahaja leksikal dikenali oleh responden seperti *baju kebaya* kerana cirinya yang berlainan daripada busana tradisional Melayu yang lain. Sejumlah 48 orang responden (17.9%) menunjukkan tahap penguasaan kosa kata yang baik. Senario ini membuktikan masih ada responden yang menguasai leksikal domain busana tradisional Melayu yang jarang-jarang digunakan sekarang. Hal ini disebabkan pengamatan responden terhadap persekitarannya, contohnya dalam majlis tertentu dan pada musim perayaan menjadi penyumbang kepada penguasaan leksikal mereka dan mengukuhkan kognitif berkaitan leksikal busana tradisional Melayu. Analisis ini juga menunjukkan sebanyak 49 orang responden (18.1%) lemah tahap penguasaan mereka terhadap leksikal dalam domain busana tradisional Melayu.

Jadual 5 : Analisis Ujian Pengecaman Kosa Kata Busana Tradisional Melayu

Busana Tradisional Melayu	Kekerapan				Jumlah
	Dapat mengecam	%	Tidak dapat mengecam	%	
Kebaya	267	98.9	3	1.1	270
Kerudung	44	16.3	226	83.7	270
Batik	251	93.0	19	7.0	270
Pelekat	174	64.4	96	35.6	270
Ketayap	74	27.4	196	72.6	270
Teluk Belanga	112	41.5	158	58.5	270
Destar	14	5.2	256	94.8	270
Samping	198	73.3	72	26.7	270
Cekak Musang	102	37.8	168	62.2	270
Selendang	181	67.0	89	33.0	270
Songket	249	92.2	21	7.8	270

Jadual 5 pula merupakan analisis lengkap dapatan ujian VRT untuk setiap kosa kata domain busana tradisional Melayu. Sebanyak 267 orang responden (98.9%) menunjukkan pengecaman dan penguasaan yang tinggi bagi leksikal *kebaya*, diikuti leksikal *kain batik*, 251 orang responden (93.0%), *songket*, 249 orang responden (92.2%), *selendang*, 181 orang responden (67.0%), dan *kain pelekat*, 174 orang responden (64.4%). Dapatan ini jelas menunjukkan hampir semua responden mengenali leksikal *kebaya* yang dipakai oleh wanita kerana ciri fesyennya berbelah di hadapan dan berkolar hingga ke kaki baju serta dipakai bersama dengan kerongsang. Pemerhatian terhadap kepada kaum wanita di negara ini, baju kebaya juga menjadi pilihan bangsa lain. Faktor yang menyumbang kepada dapatan tahap penguasaan responden yang tinggi bagi leksikal *kain batik*, *songket*, *selendang*, dan *kain pelekat* kerana mereka sudah biasa mendengar daripada orang sekeliling terutama ahli keluarga dan menggunakan leksikal ini bagi menamakan busana tersebut.

Analisis pengecaman dan penguasaan bagi leksikal *kerudung*, *ketayap*, dan *destar* menunjukkan dapatan bahawa responden tidak menguasai leksikal ini. Sebanyak 226 orang responden (83.7%) tidak menguasai leksikal *kerudung*. Hal ini disebabkan ada leksikal lain dalam bahasa Melayu yang menggantikan leksikal ini iaitu *tudung*. Responden lebih selesa dan memahami leksikal *tudung* kerana membawa maksud menutupi, jelas di sini responden mengaitkan maksud *tudung* itu adalah sesuatu yang menutupi kepala. Leksikal *kerudung* memang jarang digunakan pada zaman ini, individu yang berusia sahaja mengetahui dan menguasai leksikal bahasa Melayu asli ini. Seramai 256 orang responden (94.8%) tidak menguasai dan mengecam kosa kata *destar*. Destar membawa maksud tengkolok, tanjak atau kain (ikat) kepala. Destar juga bukanlah busana yang dipakai setiap hari dan responden berpeluang melihatnya jika ada majlis perkahwinan atau majlis kebudayaan Melayu. Hal ini membuktikan sesuatu yang bukan menjadi pengalaman responden tidak dapat mengukuhkan kognitif mereka untuk menguasai leksikal yang tidak pernah mereka dengari. Begitu juga dengan leksikal *ketayap* yang lebih dikenali sekarang sebagai songkok atau kopiah. Seramai 196 orang responden (72.6%) tidak dapat mengecam kosa kata *ketayap* merupakan leksikal busana tradisional Melayu. Terdapat beberapa kosa kata lain dalam domain busana tradisional yang kurang dikuasai oleh responden seperti baju *cekak musang* dan baju *teluk belanga*. Dapatan menunjukkan 112 orang responden (41.5%) menguasai kosa kata baju *teluk belanga* dan 102 orang responden (37.7%) menguasai kosa kata baju *cekak musang*. Hal ini disebabkan kosa kata ini digantikan dengan kosa kata bahasa Melayu yang lain yang memberi pemahaman secara umum kepada responden. Ciptaan leksikal oleh masyarakat memberi impak kepada penguasaan responden kerana responden akan menggunakan kosa kata yang kukuh dan selalu digunakan dalam kelompok persekitaran. Kajian mendapati baju *cekak musang* lebih dikenali sebagai *baju Melayu* kerana selalu dipakai oleh lelaki Melayu dan baju *teluk belanga* pula dikenali sebagai *baju kurung* yang menjadi busana wanita.

Jadual 6 : Skala Ukur Pengetahuan Kosa Kata Domain Busana Tradisional Melayu

Responden	Kosa kata yang disebut (nama busana)	Nama lain	Pernah mendengar nama busana ini (ya/tidak)	Ciri busana	Memiliki busana ini (ya/tidak)
R1	baju teluk belanga	-	ya	ada satu butang	ya
R2		baju kurung	ya	sepasang ada butang satu di leher	ya
R3		-	pernah	-	tidak
R4		baju Johor	ya	tiada kolar ada satu butang	ya
R5		baju kurung Johor	ya	ada kain dan baju berbutang satu	ya
R1	kerudung	-	tidak	-	tidak
R2		-	tidak	-	tidak
R3		tudung	ya	kain tutup kepala	tidak
R4		selendang	ya	kain panjang	tidak
R5		-	tidak	tudung (salah eja)	ya

Untuk menentukan tahap penguasaan leksikal responden, pengkaji menggunakan Ujian Skala Pengetahuan Kosa Kata (VKS). VKS merupakan penilaian lapor sendiri berasaskan tahap penguasaan pembelajaran leksikal oleh Dale (1965). (Stahl & Bravo 2010). Kaedah ini sangat berguna dalam mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata secara objektif dan merangkumi tindak balas cepat oleh responden terhadap perkataan sasaran. Dalam ujian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan lima orang responden untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut bagi mengukuhkan dapatan berkaitan penguasaan responden dalam leksikal busana tradisional Melayu. Jadual 6 menunjukkan analisis dapatan ujian VKS dalam domain busana tradisional Melayu. Untuk tujuan analisis data, hanya dua jenis kosa kata dalam domain ini dipilih untuk diterangkan secara terperinci. Dalam ujian ini, pengkaji memilih kosa kata *baju teluk belanga* dan *kerudung*. Rajah 4 menjelaskan dapatan kajian bagi kosa kata *baju teluk belanga* iaitu R2, R4 dan R5 masing-masing memberikan nama lain, iaitu *baju kurung* (R2), *baju Johor* (R4) dan *baju kurung Johor* (R5).

Rajah 4 : Penggantian Leksikal Kosa Kata *Baju Teluk Belanga*

Dapatan kajian ini menunjukkan penguasaan responden R1 terhadap nama *baju teluk belanga*. Responden R4 dan R5 memberi nama busana ini sebagai *baju kurung Johor* dan *baju Johor* berdasarkan sejarah nama *baju teluk belanga* ini berasal dari Kesultanan Melayu Johor. R2 pula memberi nama *baju kurung* kerana R2 memang biasa menggunakan leksikal *baju kurung* daripada *baju teluk belanga*. Semua responden dapat menjelaskan ciri ekstrinsik *baju teluk belanga* ini iaitu berbutang satu kecuali R3 yang menyatakan pernah mendengar nama busana ini tetapi tidak dapat menjelaskan ciri *baju teluk belanga*. R3 tidak mempunyai pengalaman kognitif terhadap leksikal *baju teluk belanga* dan tidak dapat mengaitkan leksikal itu dengan kognitifnya. Apabila pengkaji menerangkan ciri *baju teluk belanga* kepada R3, R3 menyatakan bahawa dia mengetahui dan lebih mengenali *baju teluk belanga* sebagai *baju kurung*. R3 lebih mengenali leksikal *baju kurung* kerana lingkungan pengalaman dan pengetahuannya terbatas dengan pengecaman terhadap leksikal yang dituturkan oleh masyarakat setempat dan lebih mengenali leksikal *baju kurung* sebagai busana uniform sekolah bagi pelajar perempuan. Hal ini membuktikan bahawa R3 lebih menguasai leksikal ciptaan baharu dan tidak menguasai leksikal asal busana ini. Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat kekeliruan dalam pemahaman dan penguasaan leksikal R3 sekali gus tidak dapat memberi jawapan yang tepat pada peringkat awal temu bual dalam ujian ini. Terdapat juga leksikal lain seperti *baju cekak musang* dan *destar* dalam domain busana tradisional Melayu yang tidak popular tetapi remaja biasa melihatnya.


Responden juga diuji dengan *leksikal* *kerudung* yang merupakan leksikal bahasa Melayu asli. R1, R2 menyatakan mereka tidak mengetahui leksikal *kerudung* malah tidak pernah mendengar nama leksikal ini. R5 juga menunjukkan dapatan yang sama, iaitu tidak mengetahui leksikal *kerudung* tetapi memaklumi pengkaji bahawa leksikal ini mengandungi kesalahan ejaan dan menyatakan pengkaji ingin mengeja *tudung*. Apabila pengkaji menyatakan bahawa *kerudung* dan *tudung* itu sinonim, R5 menunjukkan bahawa dia mengetahui ciri *tudung* dan lebih selesa menggunakan leksikal *tudung*. Hasil kajian menunjukkan bahawa leksikal *kerudung* tidak digunakan dalam masyarakat sekarang. Merujuk inti pati temu bual bersama-sama responden, leksikal *tudung* lebih kukuh penggunaannya. R3 dan R4 pula menyatakan bahawa mereka mengetahui leksikal *kerudung* sebagai *tudung* atau *selendang* yang bermaksud kain yang menutupi kepala melalui pembacaan buku di perpustakaan dan mengakui tidak pernah menggunakan leksikal *kerudung* dalam pertuturan mereka. Mereka turut menegaskan bahawa leksikal *kerudung* agak jarang digunakan dalam interaksi mereka dengan rakan. Hal ini juga membuktikan mereka tiada pengalaman terhadap leksikal *kerudung* tetapi mempunyai pengukuhan kognitif dan pemahaman bagi leksikal yang sama maksudnya, iaitu *tudung*.

Pengkaji juga turut mendapati bahawa responden tidak mengenali leksikal *destar* dan menyatakan *destar* itu sebagai '*duster*' yang boleh dikategorikan sebagai homonim (sebutan hampir sama tetapi berlainan makna). Dalam senario ini, berlaku kegagalan pengecaman dan pengamatan huruf '*destar*' oleh responden dan merangsang kognitif mereka mengaitkan dengan leksikal '*duster*' (pemadam papan tulis) melalui pengalaman mereka melihatnya di dalam kelas. Oleh sebab busana ini jarang dipakai dan hanya dijumpai ketika majlis perkahwinan dan adat istiadat kebesaran diraja, maka responden memang tidak mengenalinya dan tidak menguasai leksikalnya kerana bersandarkan kepada leksikal yang biasa didengar. Jelaslah, perkaitan pengalaman sosial individu itu memberi input kepada kognitifnya dan seterusnya berlaku pengukuhan leksikal seperti yang dinyatakan dalam teori Sosiokognitif. Fenomena ini berhubung kait dengan faktor pengetahuan dan pendedahan tentang leksikal bahasa Melayu asli kepada remaja. Jika pengetahuan remaja dalam domain busana tradisional Melayu sangat kurang, hal ini akan

memberi implikasi kepada kognitifnya dan leksikal bahasa Melayu asli tidak dapat dikuasai oleh remaja. Selain itu, sikap remaja kini yang kurang mengambil tahu terhadap ilmu tempatan, turut menjejaskan kelangsungan leksikal bahasa Melayu asli dalam zaman yang kian maju ini.

Mekanisme untuk Meningkatkan Penguasaan Leksikal Domain Ilmu Tempatan dalam Kalangan Remaja


Objektif yang kedua ini memberi jawapan berhubung dengan mekanisme yang boleh digunakan untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain ilmu tempatan khususnya busana tradisional Melayu dalam kalangan remaja. Seterusnya, melalui mekanisme ini akan membongkar faktor yang mengakibatkan ketakpopularan leksikal domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja. Pelbagai cara dan sumber boleh diimplementasikan untuk membantu responden mengetahui dan meningkatkan penguasaan leksikal dalam domain ilmu tempatan. Konsep dunia tanpa sempadan dengan perkhidmatan jalur lebar mampu membuka minda masyarakat untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain tempatan khususnya dalam kalangan remaja.



Rajah 5 : Sumber untuk Mengetahui Kos Kata Domain tempatan

Dapatan kajian dalam Rajah 5 menunjukkan bahawa responden menjadikan pelbagai medium untuk mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan. Penggunaan media cetak sebagai wahana memperlihatkan 211 orang responden (78.1%) bersetuju mereka dapat mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan dengan merujuk kepada media cetak. Seramai 24 orang responden (8.9%) sahaja yang tidak bersetuju dengan penggunaan media cetak, mereka boleh meningkatkan penguasaan kosa kata domain ilmu tempatan. Manakala, seramai 178 orang responden (65.9%) bersetuju menjadikan media elektronik seperti televisyen, radio dan internet sebagai sumber untuk mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan berbanding 41 orang responden (15.2%) yang tidak setuju dengan sumber ini. Responden yang menggunakan media massa sebagai bahan rujukan dan bacaan dapat memberi implikasi yang positif dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman remaja terhadap kosa kata domain ilmu tempatan melalui bahan-bahan karya berkaitannya. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan sumber untuk mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah iaitu 256 orang responden (94.8%). Dapatan kajian ini memperlihatkan kepercayaan responden kepada sistem pendidikan negara dapat membantu mereka dalam penguasaan bahasa Melayu. Pendedahan domain ilmu tempatan oleh pihak sekolah dapat melalui pengajaran dan pembelajaran sangat membantu remaja dalam memahami domain ilmu tempatan dan leksikalnya. Tempoh persekolahan yang lama dapat membina kognitif responden terutama dalam pembelajaran tentang domain ilmu tempatan dan leksikalnya. Senario ini dapat disokong dengan teori Sosiokognitif yang menjelaskan perkaitan persekitaran dan pengalaman individu dapat membantu perkembangan kognitifnya untuk menerima leksikal asli atau membentuk leksikal baharu dalam domain ilmu tempatan. Faktor persekitaran juga turut menyumbang kepada pemerolehan kosa kata domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja, iaitu sebanyak 191 orang responden (70.7%) bersetuju dengan mekanisme persekitaran dapat dijadikan sumber untuk mengetahui kosa

kata domain ilmu tempatan. Manakala, sebanyak 29 orang responden (10.7%) sahaja tidak bersetuju dengan mekanisme ini. Faktor persekitaran juga menjadi sumber pengetahuan kepada remaja untuk mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan kerana pengamatan dan pengalaman remaja dalam kehidupan bermasyarakat, berkawan dan hubungan manusia dengan alam dapat memberi input pemerolehan kosa kata. Dapat disimpulkan bahawa faktor kognitif memproses hasil cakupan pengamatan dan penerimaan remaja terhadap persekitarannya. Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai medium boleh menyumbang dan membantu remaja dalam mengetahui kosa kata domain ilmu tempatan. Penjelasan ini sejajar dengan teori Pembelajaran Sosial yang dikembangkan oleh Atkinson menjadi teori Sosiokognitif dalam pemerolehan bahasa yang mengaitkan pemikiran dengan persekitaran.



Rajah 6 : Mekanisme Penguasaan Kosa Kata Busana Tradisional Melayu

Rajah 6 pula menunjukkan dapatan mekanisme penguasaan kosa kata busana tradisional Melayu. Pengkaji menggunakan dua item sahaja untuk mendapatkan peratusan bilangan responden. Pengkaji menggunakan instrumen temu bual bagi mendapatkan hasil kajian yang menyeluruh untuk mengetahui mekanisme yang dapat meningkatkan penguasaan leksikal busana tradisional. Dapatan kajian menunjukkan 74% responden bersetuju menjadikan pembacaan sebagai satu mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal busana tradisional Melayu. Manakala, 78.6% responden menyatakan melalui pendedahan daripada ibu bapa berjaya meningkatkan penguasaan leksikal busana tradisional Melayu mereka. Faktor persekitaran responden iaitu berada di alam persekolahan memberi impak kepada mekanisme penggunaan buku sebagai bahan rujukan untuk meningkatkan penguasaan leksikal responden. Begitu juga dengan pendedahan yang dilakukan oleh ibu bapa responden menyumbang kepada peningkatan penguasaan leksikal anak-anak mereka. Melalui temu bual, responden menjelaskan penggunaan internet mampu meningkatkan penguasaan kosa kata busana tradisional Melayu. Selain itu, media massa juga merupakan satu mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal melalui program dokumentari dan rencana berkenaan kebudayaan tradisional Melayu.

Pengkaji telah mengenal pasti pelbagai mekanisme yang dapat meningkatkan penguasaan leksikal domain ilmu tempatan dalam kalangan responden, yang menunjukkan bahawa responden berusaha mencari maklumat tentang domain ilmu tempatan yang kurang ditonjolkan dan sekali gus menemui leksikal domain ilmu tempatan. Maka, mekanisme yang boleh diimplementasikan untuk membantu responden meningkatkan penguasaan leksikal adalah melalui pembacaan ilmiah melalui media cetak, media elektronik, persekitaran responden dan pembelajaran di sekolah. Pembacaan ilmiah seperti akhbar dan buku yang berkaitan dengan domain tempatan atau tradisional Melayu merupakan satu sumber dapatan melalui media cetak dan hal ini memerlukan kerajinan responden untuk mencari dan menelaah bahan berkenaan. Dalam menelusuri zaman teknologi maklumat, tidak dapat dinafikan pemerolehan sumber daripada medium siber sangat membantu responden untuk deskripsi sesuatu dengan mudah. Terdapat kepelbagaian informasi yang dapat membantu responden dalam penguasaan leksikal di internet seperti *e-book*, blog-blog kearifan domain ilmu tempatan dan laman sosial. Rencana dan dokumentari yang ditayangkan di televisyen juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan dan penguasaan leksikal responden. Dapatan juga memperlihatkan kepercayaan responden kepada sistem pendidikan negara dapat membantu mereka

dalam penguasaan bahasa Melayu. Mekanisme pengajaran dan pembelajaran di sekolah pula, dapat membuka minda responden mengenai domain ilmu tempatan dan merupakan satu proses membina pengalaman mereka terhadap persekitaran. Tempoh persekolahan yang lama mampu membina kognitif responden tentang leksikal domain tempatan kerana berkaitan dengan keterlibatan responden dalam pencarian ilmu. Persekitaran responden merupakan mekanisme yang memberi impak kepada penguasaan dan pengukuhan sesuatu leksikal. Hal ini terbukti dengan pengalaman responden hidup bermasyarakat dan berkawan serta hubungan responden dengan alam yang menjadi sumber pengetahuan kepada responden dalam pemerolehan leksikal. Kajian mendapati satu mekanisme yang mapan adalah melalui interaksi responden dengan ahli masyarakat yang berusia, ibu bapa, guru dan rakan. Penyampaian maklumat daripada individu yang mengetahui maklumat sesuatu leksikal mampu memberi pengetahuan dan penguasaan kepada responden. Sejalan dengan hal ini, kognitif berupaya menerima maklumat berkaitan pengalaman dan persekitaran seseorang untuk penerimaan, pengukuhan atau penciptaan leksikal seperti yang ditekankan dalam teori Sosiokognitif, iaitu adanya timbal balik antara kognitif dengan persekitaran.

Faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Leksikal Domain Ilmu Tempatan.

Faktor yang mempengaruhi penguasaan leksikal domain tempatan berkait rapat dengan mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal kerana dengan mengetahui faktor, mekanisme dapat ditingkatkan dengan mengubah suai faktor. Sebagai contoh, jika faktor pendedahan kepada persekitaran dapat meningkatkan penguasaan leksikal, maka usaha perlu dibuat untuk meningkatkan pendedahan responden kepada persekitaran. Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi penguasaan leksikal domain ilmu tempatan iaitu penguasaan pelbagai gaya bahasa dan pendedahan kepada persekitaran.

Mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain tempatan signifikan dengan faktor yang mempengaruhi penguasaan responden seperti bahasa pertuturan seharian mereka. Gaya komunikasi responden yang pelbagai seperti penggunaan bahasa slanga dan mencampuradukkan bahasa asing dalam bahasa Melayu, menyumbang kepada pelbagai kaedah pembentukan kata. Senario ini berlaku hasil daripada cara kehidupan berkelompok dan pergaulan dengan pelbagai bangsa. Penguasaan pelbagai gaya bahasa merupakan satu proses dalam sosiologi bahasa bagi meningkatkan kecekapan bahasa termasuklah penciptaan leksikal baharu dalam domain tempatan. Tempat tinggal atau kediaman responden sama ada di bandar atau luar bandar mempengaruhi tahap penguasaan leksikal domain tempatan responden. Hal ini memperlihatkan responden luar bandar lebih menguasai ciri intrinsik dan ekstrinsik disebabkan pengetahuan tentang domain tempatan masih belum terhakis dengan kemajuan negara serta masih terdapat generasi tua yang boleh memberi input berkenaan leksikal domain tempatan. Seterusnya, pendidikan yang diterima oleh ibu bapa responden juga berkaitan dengan faktor pendedahan kepada persekitaran untuk meningkatkan penguasaan leksikal domain tempatan. Dapatan kajian juga membuktikan, responden yang mempunyai ibu bapa berpendidikan sekolah menengah lebih menguasai leksikal domain tempatan kerana melalui proses pemerhatian dan pengalaman dalam kehidupan mereka yang kebanyakannya menetap di luar bandar serta penerimaan unsur domain ilmu tempatan yang berterusan dalam kognitif mereka berbanding ibu bapa responden yang berpendidikan tinggi dan corak kehidupan di bandar tidak membantu mereka untuk memperkenalkan leksikal domain ilmu tempatan kepada anak-anak.

Faktor Ketakpopularan Leksikal Domain Tempatan

Justifikasi ketakpopularan leksikal domain ilmu tempatan berkait rapat dengan faktor yang mempengaruhi penguasaan domain ilmu tempatan apabila melihat kepada faktor yang dominan yang menyebabkan leksikal domain ilmu tempatan tidak popular dalam kalangan remaja kini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kurangnya pendedahan daripada ibu bapa mengenai ilmu tempatan disebabkan keutamaan lebih kepada pendidikan yang terkini dan futuristik. Teknologi maklumat mencetuskan sifat antisosial dan kadang kala turut menjadikan komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak semakin terhad. Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris yang seolah-olah diwajibkan kepada pelajar sekolah juga telah menghilangkan jati diri bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Akibatnya, remaja lebih suka bertutur dalam bahasa Inggeris dan mencampuradukkan bahasa sekali gus meminggirkan bahasa Melayu khususnya dari segi penguasaan kosa kata tradisional. Faktor terakhir yang menyumbang kepada ketakpopularan leksikal domain ilmu tempatan dalam kalangan remaja ialah sikap remaja itu sendiri yang kurang berusaha untuk

mengetahui hal-hal di sekitar mereka disebabkan oleh corak pemikiran yang tidak kritis dan kurang berminat untuk mendalami sesuatu perkara.

Pengukuhan dan Pembentukan Leksikal

Kajian mendapati penguasaan leksikal busana tradisional Melayu mengalami pelbagai variasi dalam pengukuhan atau pembentukan sesuatu leksikal seperti yang dirumuskan iaitu terdapatnya penciptaan leksikal baharu berdasarkan pengamatan dan pengalaman individu dengan persekitarannya, berlakunya penggantian leksikal yang lebih selesa digunakan sejak dahulu lagi tetapi tidak menepati leksikal bahasa Melayu asli. Sebagai contoh, dapatan kajian menunjukkan baju *teluk belanga* lebih dikenali sebagai baju *kurung Johor* atau *baju kurung* sahaja dan baju *cekak musang* lebih dikenali sebagai *baju Melayu*, manakala *kerudung* dikenali sebagai *tudung*. Penggantian ini menyebabkan leksikal bahasa Melayu asli kurang popular dalam kalangan remaja kerana mereka disuguhkan oleh ibu bapa dengan penggantian leksikal yang kukuh penggunaannya sejak kanak-kanak melalui proses pendedahan dan pengetahuan. Selain itu, berlakunya penyempitan leksikal disebabkan kognitif yang berbeza antara individu. Sebagai contoh, terdapat responden yang mengelaskan *ketayap* bukan dalam domain busana, tetapi merujuk kepada domain kuih tradisional. Responden menyempitkan makna *ketayap* untuk merujuk nama sejenis kuih. Penyempitan ini terjadi disebabkan pengalaman persekitaran remaja lebih terdedah dengan leksikal *ketayap* dalam domain kuih tradisional dan bukannya busana tradisional yang dihubungkan kepada kognitif. Hal ini membuktikan bahawa individu yang tiada pengalaman dengan persekitaran tidak dapat mengaitkan leksikal dengan kognitifnya. Begitu juga dengan kegagalan pengecaman responden terhadap suatu leksikal juga boleh menyebabkan berlakunya homonim. Sebagai contoh, pengecaman leksikal *destar* sebagai '*duster*' (pemadam papan tulis) melalui pengalaman mereka melihatnya di dalam kelas. Hal ini terjadi disebabkan responden tidak mengenali atau tiada pengetahuan tentang *destar* yang merupakan busana tradisional Melayu. Pengkaji juga mendapati bahawa sesuatu leksikal itu masih kukuh penggunaannya dalam kalangan masyarakat khususnya remaja. Sebagai contoh, leksikal baju kebaya yang dikuasai oleh 98.9% responden dalam ujian VRT, ciri intrinsik *baju kebaya* ini mengukuhkan lagi penguasaan remaja terhadap leksikal ini.

5. Kesimpulan

Pengkaji merumuskan bahawa kajian ini berjaya menghasilkan pengelasan leksikal busana tradisional Melayu berdasarkan ciri intrinsik dan ekstrinsik sesuatu leksikal, seterusnya menentukan tahap penguasaan kosa kata busana tradisional Melayu dan mengenal pasti mekanisme untuk meningkatkan penguasaan leksikal tersebut dalam kalangan remaja. Dapatan kajian memperlihatkan tahap penguasaan responden yang sederhana dalam leksikal domain busana tradisional Melayu. Hasil kajian ini diperoleh dengan penggunaan kaedah lapangan yang melibatkan proses triangulasi iaitu instrumen soal selidik, ujian VKS dan VRT serta temu bual dengan responden untuk menentukan tahap penguasaan leksikal responden. Ujian kosa kata yang diuji terbukti berkesan dalam mengenal pasti pengelasan ciri intrinsik dan ekstrinsik dalam sesuatu leksikal. Pembelajaran melalui pengamatan persekitaran seperti yang dihuraikan dalam teori Sosiokognitif oleh Atkinson lanjutan daripada teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura memberi kesan positif terhadap penguasaan domain tempatan dan leksikalnya dalam kalangan remaja. Kesimpulannya, remaja perlu menguasai leksikal domain ilmu tempatan kerana dikhuatiri kepupusan leksikal dalam ilmu ini akan merugikan generasi yang lahir dalam zaman pasca merdeka yang semakin menuju kemodenan. Selain itu, kurangnya pendedahan dan pengetahuan tentang domain ilmu tempatan boleh menyebabkan domain ilmu tempatan serta leksikalnya lenyap ditelan zaman dan tidak dapat diwarisi oleh generasi muda. Seajar dengan usaha memartabatkan kembali leksikal bahasa Melayu asli ini dalam kalangan masyarakat khususnya remaja, langkah perlu diambil agar kosa kata ini tidak luput ditelan zaman. Generasi remaja perlu didedahkan dengan kosa kata bahasa Melayu asli dalam mengenali domain ilmu tempatan. Mereka harus mengetahui bahasa Melayu itu sendiri kaya dengan istilah atau kosa kata asli satu ketika dulu dan tidak terlalu bergantung pada leksikal bahasa asing atau leksikal ciptaan sendiri.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, D. (2002). Toward a Sociocognitive Approach to Second Language Acquisition. *The Modern Language Journal*, 86(iv): 525-545.
DOI: 10.1111/1540-4781.00159 (Atas Talian) https://77275c3f-a-62cb3a1a-sites.googlegroups.com/site/etap536/Atkinson.pdf?attachauth=ANoY7cpl6fL2eRN_q0mXlvHNCqvnB4ydSSxEADfBrweL_ydw2c1QT

- vywcoifNJKOr44qi88mcKZWnF6ku0Mnuh3mHxq6K_9OSW4ygEXuvVBfKeRXExQcYgz6BFrrvdvRRXEMxiqsrEDSEWNzBGESqy8tRCXL4n6dOGvkKICsOHCdnNnfGGvRew45hWjRi3Xa5fq15hEQ57E7vDi9Fix8ZYL2eH_UBrMLBg%3D%3D&attredirects=0
[24 Julai 2013].
- Bravo, M.A., & Cervetti, G.N. (2008). Teaching Vocabulary Through Text and Experience in Content Areas. In A.E. Farstrup & S.J. Samuels (Eds.), *What Research has To Say About Vocabulary Instruction*, pp. 130-149. Newark, DE: International Reading Association.
- Calfee, R.C., & Drum, P. (1986). Research on Teaching Reading. In M. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research on Teaching*, pp. 804-849. New York: Macmillan.
- Christina Ong Sook Beng dan Yuen Chee Keong. (2012). Peminjaman Leksikal dalam Blog Bahasa Inggeris Remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 28(1): 137-150. (Atas Talian) http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2012/V28_1_137-150.pdf [19 April 2003].
- Crystal, D. (2000). *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Hishamudin Isam dan Norsimah Mat Awal. (2011). Analisis Berasaskan Korpus dalam Menstruktur Semula Kedudukan Makna Teras Leksikal Setia. *GEMA Journal Of Language Studies*: 11(1) 143-158.
- Junaini Kasdan. (2011). Sikap, Persepsi dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia : Analisis Sosiokognitif. Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Madzlina Hj Nordin. (2008). Media Alternatif Rakan Baharu Bahasa. *Dewan Bahasa*. November, 33.
- Martin P.W. (1998). Inovasi Leksikal dalam Bahasa Melayu Brunei. *Jurnal Bahasa*. April: 334-342.
- Nathesan S. (1998). Leksis Gender dalam Bahasa Melayu : Tinjauan Awal Dari Sudut Makna. *Dewan Bahasa*, April: 292-298.
- Nathesan S. (2008). Sumber Kata Bahasa Malaysia. *Dewan Bahasa*. Ogos: 30-32.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2010). Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia : Analisis Linguistik. *Jurnal Linguistik*. 10 (edisi khas): 1-21.
- Noresah Baharom. (1996). Perubahan dan Inovasi Leksikal dalam Bahasa Melayu : Unsur Penerimaan dan Kelangsungan Hidup. *Kumpulan Kertas Kerja Jilid II Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 484-501.
- Rusmadi Baharuddin. (1995). Temu bual dengan Awang Had Salleh. *Pelita Bahasa*, Mei: 10-13.
- Tenas Effendy. (2008). Kearifan Orang Melayu Berbahasa. Syarahan Raja Ali Haji. *Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi, dan, Mohd Shabri Yusof . (2011). Pemeraksanaan Jati Diri Bahasa Melayu : Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*. 6:13-27.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman dan Karim Harun. (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu : Satu Kajian Kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*. 5:163-176.